



BULETIN MUTIARA



(<https://www.buletinmutiara.com/>)

'Jalur Warisan Tanjong Tokong', UDA digesa hormati KN

BULETIN MUTIARA

Admin

March 1, 2012 (<https://www.buletinmutiara.com/jalur-warisan-tanjong-tokong-uda-digesa-hormati-qn>)

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB



(<https://www.buletinmutiara.com/wp-content/uploads/2013/05/tanjongtokong201209>)

AMARAH Melayu Kampung Tanjong Tokong terhadap pemaju UDA disuarakan melalui kain rentang yang digantung di tepi laluan utama.

TANJONG TOKONG – Melayu Kampung Tanjong Tokong meminta campur tangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mewartakan kampung mereka sebagai kampung warisan.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Tanjong Tokong, Mohd. Salleh Yahaya berkata demikian gara-gara hilang kepercayaan terhadap pemaju Uda Holdings Berhad (UDA) bagi membela kepentingan Melayu di atas tanah tersebut.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Bertindak Warisan dan Pembangunan Semula Tanjong Tokong (Bapak) berkata, bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pada tahun 1974 mengarahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyerahkan tanah tersebut kepada UDA yang ditubuhkan di bawah kerajaan pusat sendiri dengan syarat usaha mengekalkan penempatan Melayu bandar mesti dilakukan, di sini.

"Syarat nyata itu adalah ke arah pengekalan kampung, bukan penghapusan kampung. Apa yang dilakukan oleh UDA kini adalah bertentangan dengan syarat pengekalan kampung sebagaimana amanat Tun Razak.

"Apa yang dilihat, bukan bertambah baik, tetapi lebih teruk selepas pembabitan UDA selama 37 tahun ini," ujarinya pada satu sidang media, di sini baru-baru ini.


Difahamkan, sebahagian tanah kampung tersebut diserahkan kepada UDA untuk dimajukan sebagai pembangunan Melayu bandar. Manakala, sebahagian tanah yang lain dijual oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada UDA dengan harga serendah RM1 sekaki persegi.

Beliau berkata, banyak momorandum telah dipanjangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Abdullah Ahmad Badawi (bekas perdana menteri), namun tiada reaksi positif diterima.

Dalam pada itu, beliau berharap Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dapat menjadi orang tengah di antara penduduk Kampung Tanjong Tokong dan UDA.

Ini kerana, katanya, Guan Eng pada 29 Oktober tahun lepas antara lain membuat pengumuman di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang bahawa Ketua Menteri itu mahu menggezetkan kedudukan Tanjong Tokong sebagai kampung warisan.

"Perbincangan dengan Kerajaan Negeri masih positif dan ada penegasan daripada Ketua Menteri sendiri, tapi masalahnya ada di pihak UDA.



(<https://www.buletinmutiara.com/wp-content/uploads/2013/05/tanjongtokong>.

MOHD. Salleh Yahaya menunjukkan beberapa dokumen mengenai usaha menjadikan sebahagian tanah Tanjong Tokong sebagai 'kampung warisan'.

